



## **UniMAP Naib Juara Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Edisi 5**

Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi tiga kali berturut-turut telah menjuarai Festival Nasyid Kemerdekaan Intitusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan anjuran UniMAP yang berlangsung di Dewan Kapitol UniMAP 29 Ogos 2008 lalu. Mereka juga turut dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori persembahan terbaik. Nahwan Nur menewaskan lima IPT lain iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Sementara itu, kumpulan In-Shoff yang mewakili tuan rumah UniMAP memilih lagu Berkat Perpaduan dan Ceritera Merdeka pula berjaya menduduki tempat kedua dengan menerima hadiah piala iringan, wang tunai RM2,000, hamper beserta sijil penyertaan. In-Shoff juga turut dinobatkan sebagai pemenang kostum terbaik dan membawa pulang wang tunai RM500 beserta hamper. Manakala, tempat ketiga pula disandang oleh

kumpulan Damai dari UNIMAS dengan lagu Perpaduan Asas Kejayaan Ummah dan Ku Cari Erti Merdeka. Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis Dun Guar Sanji (Agama Islam dan Pembangunan Hadhari), YB Tuan Jafperi Othman mewakili YAB Menteri Besar Perlis menyampaikan hadiah kepada para pemenang.